

# Muhyiddin diarah bayar Guan Eng RM400,000 sebelum 31 Disember

Hakim beri penangguhan bersyarat ganti rugi saman fitnah RM1.4.02j kepada Pengerusi DAP

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi untuk membayar RM400,000 kepada Pengerusi DAP Lim Guan Eng sebelum 31 Disember ini.

Jumlah itu sebahagian daripada ganti rugi saman fitnah keseluruhan berjumlah RM1.402 juta yang perlu dibayar kepada Guan Eng melalui perintah mahkamah sama pada 8 November lalu.

Muhyiddin pada 9 Disember

lalu, memohon pembayaran ganti rugi itu ditangguhkan sementara menunggu rayuannya diputuskan dengan alasan jumlah penghakiman berkenaan besar dan beliau memerlukan masa untuk mengumpul jumlah berkenaan.

Pada prosiding dalam kamar hakim semalam, Hakim Roz Mawar Rozain memberikan penangguhan bersyarat kepada Muhyiddin dengan memerintahkan beliau membayar RM400,000 sebelum atau pada 31 Disember ini dan baki ganti rugi terbabit sebelum atau pada 27 Januari tahun depan.

Perkara itu disahkan peguam Gua Eng, Chetan Jethwani dan Guok Ngeek Seong yang bertindak bagi pihak Muhyiddin, kepada media di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur semalam.

Pada 9 Disember lalu, Guan Eng selaku pemiutang penghakiman mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan notis kebangkrapan terhadap Muhyiddin yang dinamakan sebagai penghutang penghakiman.

Permohonan itu menyatakan

tuntutan membabitkan jumlah penghakiman RM1,350,000.00, kos tindakan RM50,000.00 dan alokatur RM2,000.00.

Notis kebangkrapan itu menyatakan dalam tempoh tujuh hari selepas penyampaian (notis) berkenaan, Muhyiddin mesti membayar RM1.4 juta seperti yang dituntut melalui penghakiman muktamad Mahkamah Tinggi, yang belum ditangguh pelaksanaannya.

Ia juga menyatakan atau Muhyiddin hendaklah menjamin jumlah tuntutan itu kepada Guan Eng dan mahkamah serta me-

enuhi bahawa beliau mempunyai tuntutan balas dan tuntutan silang Guan Eng yang menyamai atau melebihi jumlah yang dituntut.

## Berjaya bukti kes

Roz Mawar membenarkan tuntutan saman fitnah Guan Eng berhubung isu pembatalan pengecualian cukai kepada Yayasan Albukhary dan memerintahkan Muhyiddin membayar ganti rugi RM1.35 juta pada 8 November lalu.

Roz Mawar mendapati Guan Eng berjaya membuktikan kes-

nya terhadap Muhyiddin melalui prinsip imbalan kebarangkalian, iaitu beban pembuktian bagi proses tuntutan saman sivil.

Beliau sehubungan itu memerintahkan Muhyiddin yang juga bekas Perdana Menteri membayar ganti rugi am kepada Guan Eng sebanyak RM1.05 juta, dan ganti rugi teruk serta teladan masing-masing RM150,000.

Pada 27 Mac 2023, Guan Eng memfailkan saman terhadap Muhyiddin kerana didakwa mengeluarkan tiga kenyataan berunsur fitnah di Facebook berhubung isu pengecualian cukai pada 9,11 dan 12 Mac 2023.

Laporan itu kemudian diterbitkan beberapa akhbar dan portal berita.

Guan Eng mendakwa kenyataan fitnah itu juga bermaksud beliau menyalahgunakan kedudukan dan kuasanya dengan memberi kuasa atau mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenakan cukai dan penalti ke atas yayasan kebajikan itu, sedangkan mereka tidak sepatutnya dikenakan cukai.



Muhyiddin Yassin

Lim Guan Eng